

PENILAIAN GAYA PEMBELAJARAN VAK DALAM KALANGAN PELAJAR BAHASA ARAB DI IPTS

Zati Azmina Jaafar¹

azmina@kuis.edu.my

Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan

Pusat Pengajian Teras

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Farah Nur-Rashida Rosnan²

farahnurrashida@kuis.edu.my

Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan

Pusat Pengajian Teras

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Dr. Norfaezah Mohd Hamidin³

norfaezah@kuis.edu.my

Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan

Pusat Pengajian Teras

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Gaya pembelajaran merupakan elemen penting dalam pembelajaran dan memberi impak yang cukup besar dalam dunia pendidikan. Justeru kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji penilaian terhadap 4 kemahiran Bahasa Arab Menerusi Penerapan Gaya Pembelajaran Visual-Audio-Kinestetik (VAK). Gaya pembelajaran (VAK) ini merujuk kepada tiga gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar dalam proses pembelajaran ilmu. Gaya pembelajaran ini menggunakan deria mata (visual), telinga (auditori), dan pergerakan (kinestetik). Kajian ini merupakan kajian lapangan dan melibatkan seramai 92 orang pelajar diploma pengkhususan bahasa arab di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Kolej Sultan Ismail Petra (KIAS), dan Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS). Dapatan kajian mendapati bahawa pelajar-pelajar memahami penerapan proses pembelajaran VAK yang melibatkan Motivasi Intrinsik dan Ekstrinsik apabila mempelajari 4 kemahiran bahasa Arab, dan melalui edaran soal selidik kepada pelajar-pelajar KIAS, KUIPSAS dan KUIS, dapat dirumuskan bahawa pelajar-pelajar bahasa Arab yang mempelajari 4 kemahiran bahasa Arab, cenderung menggunakan proses Gaya Pembelajaran Kinestetik serta Auditori berbanding Visual.

Kata kunci: *Penilaian, gaya pembelajaran VAK, pelajar bahasa Arab*

¹ Zati Azmina Jaafar merupakan pensyarah di Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan. Beliau telah berkhidmat selama 10 tahun di KUIS. Bidang pengkhususan utama beliau adalah Pendidikan Bahasa Arab.

² Farah Nur-Rashida Rosnan merupakan pensyarah di Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan. Beliau telah berkhidmat selama 6 tahun di KUIS. Bidang pengkhususan utama beliau adalah Bahasa Arab.

³ Norfaezah Mohd Hamidin merupakan pensyarah di Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan. Beliau telah berkhidmat selama 15 tahun di KUIS. Bidang pengkhususan utama beliau adalah Pendidikan Bahasa Arab.

PENDAHULUAN

Kemahiran bahasa merupakan satu elemen penting dalam proses pembelajaran bahasa. Dalam proses pembelajaran bahasa seperti pembelajaran bahasa Arab, empat kemahiran berbahasa turut diterapkan dalam proses mempelajari dan menguasai bahasa tersebut. Kemahiran bahasa melibatkan empat jenis kemahiran iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Menurut (Ziyad, Izuddin 2011) keempat-empat kemahiran ini berhubungkait antara satu sama lain. Kemahiran-kemahiran ini dilihat sangat penting kerana ia merupakan asas bagi mempelajari dan menguasai bahasa-bahasa yang ada di dunia sehingga menjadi satu keperluan utama dalam mempelajari bahasa. Oleh yang demikian, kegagalan menguasai salah satu daripadanya akan memberi natijah yang kurang baik terhadap penguasaan bahasa Arab keseluruhannya. Pandangan tersebut turut disokong oleh (Zamri, Ibtisam 2014), dan dapat disimpulkan bahawa pembelajaran kemahiran bahasa asing terutamanya bahasa Arab adalah untuk pengembangan kemampuan pelajar dalam menggunakan bahasa itu baik lisan mahupun menulis.

DEFINISI OPERASIONAL

Terdapat beberapa definisi operasi yang digunakan dalam kajian ini. Antaranya adalah seperti yang berikut:

GAYA PEMBELAJARAN

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2013), gaya merujuk kepada sikap, kesukaan dan cara berkelakuan yang menjadi ciri seseorang. Manakala pembelajaran pula merujuk kepada perihal atau proses belajar seseorang individu. Menurut Meor Ibrahim Kamaruddin dan Assaadah Mohamad (2011), gaya pembelajaran secara amnya telah didefinisikan sebagai cara individu mempelajari sesuatu mengikut kecenderungan individu itu sendiri. Menurut model gaya pembelajaran VAK oleh Fernald, Keller, Orton, Gillingham, Stillman dan Montessori (1920) yang membahagikan gaya pembelajaran kepada tiga iaitu gaya pembelajaran visual, gaya pembelajaran auditori dan gaya pembelajaran kinestetik.

Menurut Rose Colin dan Nicholl (2011), gaya pembelajaran VAK ini merangkumi gaya-gaya berikut:

Gaya Pembelajaran Visual

Dalam gaya pembelajaran ini, pelajar suka belajar melalui melihat perkataan dalam buku dan papan tulis, tidak memerlukan penerangan lisan yang banyak, suka kepada gambaran visual, lakonan, pertunjukan atau melihat video dalam memberi gambaran terhadap sesuatu maklumat.

Gaya Pembelajaran Auditori

Pelajar lebih suka kepada cara belajar yang melibatkan mendengar, mengingat maklumat dengan membaca kuat atau dengan menggerak-gerakan bibir ketika membaca, serta mudah

tertarik kepada maklumat yang disampaikan daripada mendengar pita audio, syarahan dan perbincangan kelas. Pelajar auditori gemar belajar dengan melibatkan deria pendengaran.

Gaya Pembelajaran Kinestetik

Pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran ini meminati aktiviti belajar dengan cara bergerak, terlibat secara aktif dalam aktiviti berkumpulan dan sukakan lawatan. Kombinasi rangsangan seperti aktiviti berkumpulan dan pita audio akan lebih menarik minat pelajar yang mengamalkan gaya ini.

Dalam mempelajari kemahiran bahasa, salah satu elemen yang perlu diberi perhatian dalam keberhasilan proses pengajaran dan pembelajaran adalah gaya pembelajaran. Pencapaian pelajar dalam mempelajari bahasa Arab berkemungkinan dapat ditingkatkan sekiranya guru dapat mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar. Menurut Farhana (2012), gaya pembelajaran adalah cara mempelajari sesuatu mengikut kecenderungan individu. Dengan mengetahui gaya pembelajarann pelajar, kecekapan dan prestasi seseorang pelajar dapat diketahui seperti yang dirumuskan oleh Bass dan Greary (1996). Kecemerlangan pelajar dicapai sekiranya mereka mengamalkan gaya pembelajaran yang bersesuaian. Oleh demikian, penggunaan kaedah dan gaya pembelajaran yang betul dapat membantu seseorang pelajar menjalani proses pembelajaran dengan baik dan seterusnya dapat meningkatkan prestasi pembelajaran (Dunn dan Stevenson, 1997). Hyland (1993), Melton (1990), dan Reid (1987) mendapati bahawa gaya pembelajaran boleh dicorakkan oleh pengalaman pembelajaran

Setiap pelajar mempunyai gaya yang tersendiri untuk menerima dan bertindakbalas serta menggunakan rangsangan dalam proses pembelajaran. Menurut Reid (1987) pelajar-pelajar ESL yang lebih pengalaman belajar Bahasa Inggeris adalah lebih auditori tetapi kurang visual, kinestetik dan taktil berbanding pelajar-pelajar yang kurang pengalaman. Hyland (1993) pula berpendapat bahawa kecenderungan untuk gaya pembelajaran auditori dan kinestetik di kalangan pelajaran Jepun telah meningkat apabila pembelajaran pelajar-pelajar tersebut bertambah. Maka gaya pembelajaran dibentuk oleh pengalaman dan minat pelajar. Selain itu Gaya menurut (Rasidah, 2007) pembelajaran yang baik dapat merangsang para pelajar untuk meningkatkan motivasi terhadap pencapaian akademik. Dapatan kajian-kajian yang lepas (Dunn, Dunn & Price, 1989; Orsak, 1990; Perrin, 1990) yang mendapati pencapaian yang signifikan dalam pembelajaran apabila padanan gaya pembelajaran dengan pembelajaran dilakukan. Kajian mendapati setelah pelajar diperkenalkan dengan gaya pembelajaran dan menggunakannya telah mendapat keputusan lebih cemerlang. (Rasidah, 2007).

Kajian ini memfokuskan kepada analisis pemilihan gaya pembelajaran VAK (Visual Auditori Kinestetik) yang mampu menyokong keperluan individu yang berbeza dari segi gaya pembelajaran dalam pembelajaran empat kemahiran bahasa Arab. Ini bagi memastikan proses pembelajaran bahasa Arab dapat dikuasai oleh pelajar-pelajar dengan baik dan dapat diaplikasi dengan cemerlang serta dapat membantu pensyarah menyediakan bahan bantu mengajar yang sesuai berdasarkan pemahaman gaya pembelajaran pelajar-pelajar di dalam kelas.

POPULASI

Kajian telah dijalankan kepada 92 orang pelajar diploma pengkhususan bahasa Arab di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Kolej Sultan Ismail Petra (KIAS), dan Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian kuantitatif yang menggunakan instrumen soal selidik dalam pengumpulan data. Skala Likert 4 tahap digunakan dalam soal selidik ini. Populasi pelajar Seramai 92 orang pelajar diploma pengkhususan bahasa arab di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Kolej Sultan Ismail Petra (KIAS), dan Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS), telah dipilih dalam kajian ini. Kajian dijalankan ke atas 92 orang pelajar tersebut bertujuan untuk melihat Gaya Pembelajaran VAK yang digunakan terhadap pembelajaran kemahiran bahasa Arab. Teknik persampelan rawak digunakan dalam mengedat soal selidik. Selepas data diperolehi, satu ujian deskriptif dilakukan bagi melihat min persepsi intrinsik dan ekstrinsik. Untuk tujuan interpretasi data deskriptif, kajian ini juga membahagikan min kepada tiga tahap, iaitu seperti di dalam Jadual 1:

Jadual 1 Kategori tahap penilaian min skala likert 4

Julat Min	Tahap Min
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana
3.01-4.00	Tinggi

Sumber: Abdull Sukor (2008)

ANALISIS DATA

Analisis data berkaitan gaya pembelajaran bahasa ini dibahagikan kepada gaya pembelajaran Visual, gaya pembelajaran Auditori, dan gaya pembelajaran Kinestetik. Soal selidik berbentuk skala likert diedarkan kepada 92 orang pelajar diploma pengkhususan bahasa arab.

SKALA	SKOR
Sangat Setuju	4
Setuju	3
Tidak Setuju	2
Sangat Tidak Setuju	1

Rajah 1: Bentuk Skala Likert yang digunakan dalam soal selidik

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi menentukan gaya pembelajaran VAK dalam kalangan pelajar pengkhususan bahasa Arab di Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS). Dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan bantuan perisian SPSS 21.0. Analisis deskriptif dijalankan dengan melibatkan kekerapan, min dan sisihan piawai.

Jadual 1 menunjukkan jantina responden. Seramai 39 orang (42.4%) ialah pelajar lelaki manakala 53 orang (57.6%) ialah pelajar perempuan.

Jadual 1 Jantina

Jantina	Frekuensi	Peratusan
Lelaki	39	42.4%
Perempuan	53	57.6%

Jadual 2 menunjukkan UMUR responden. Seramai 23 (25.0%) orang responden ialah pelajar berumur 19 tahun, 35 (38.0%) orang ialah pelajar berumur 20 tahun, 20 (21.7%) berumur 21 tahun, 5 (5.4%) berumur 22 tahun, 4 (4.3%) berumur 23 tahun, 2 (2.2%) berumur 24 tahun dan 25 tahun dan 1 (1.1%) orang ialah pelajar berumur 26 tahun.

Jadual 2 UMUR

Umur	Frekuensi	Peratusan
19 Tahun	23	25.0%
20 Tahun	35	38.0%
21 Tahun	20	21.7%
22 Tahun	5	5.4%
23 Tahun	4	4.3%
24 Tahun	2	2.2%
25 Tahun	2	2.2%
26 Tahun	1	1.1%

Jadual 3 menunjukkan tahap pendidikan tertinggi oleh responden. Seramai 67 (72.8%) dari peringkat SPM dan 25 (27.2%) dari lain-lain tempat.

Jadual 3 Tahap Pendidikan Tertinggi

Tahap Pendidikan	Frekuensi	Peratusan
SPM	67	72.8%
Lain-lain	25	27.2%

Jadual 4 menunjukkan Institusi oleh responden. Seramai 48 (52.2%) dari KUIS, 26 (28.3%) dari KIAS dan 18 (19.6%) dari KUIPSAS.

Jadual 4 Institusi

Institusi	Frekuensi	Peratusan
KUIS	48	52.2%
KIAS	26	28.3%
KUIPSAS	18	19.6%

Jadual 5 menunjukkan semester pengajian oleh responden. Seramai 9 orang (9.8%) dari semester 1, 30 orang (32.6%) dari semester 2, 6 orang (6.5%) dari semester 3, 37 orang (40.2%) dari semester 4 dan 10 orang (10.9%) dari lain-lain semester.

Jadual 5 Semester Pengajian

Semester	Frekuensi	Peratusan
Semester 1	9	9.8%
Semester 2	30	32.6%
Semester 3	6	6.5%
Semester 4	37	40.2%
Lain-lain	10	10.9%

Jadual 6 menunjukkan pengalaman belajar di negara Arab oleh responden. Seramai 81 orang (88.0%) tiada pengalaman belajar di negara Arab, 4 orang (4.3%) belajar di antara 1-11 bulan, 5 orang (5.4%) belajar di antara 1-2 tahun dan 2 orang (2.2%) belajar di antara 3 tahun ke atas.

Jadual 6 Pengalaman Belajar di Negara Arab

IPT	Frekuensi	Peratusan
Tiada	81	88.0%
1-11 bulan	4	4.3%
1-2 tahun	5	5.4%
3 tahun ke atas	2	2.2%

ANALISIS DESKRIPTIF

Bagi melihat kecenderungan pembelajaran gaya pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar, analisis deskriptif telah digunakan untuk mentafsir data yang telah dikumpul. Hasil analisis deskriptif ini dipersembahkan dalam bentuk jadual yang mengandungi nilai min dan. Jumlah min daripada setiap konstruk akan dikategorikan kepada tiga skor seperti jadual di bawah.

Jadual 4 Skor Min

Julat Min	Tahap Min
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana
3.01-4.00	Tinggi

a. Gaya Pembelajaran Visual

Bil.	Soalan Soal Selidik	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Selang Skala Min
S1.	Jika saya berjumpa pelancong Arab yang ingin ke satu kawasan di universiti, saya akan <i>memberi peta atau menunjukkan gambar kepadanya.</i>	4	25	59	4	Min = 2.68
S2.	Jika saya tidak pasti sama ada perkataan berikut dieja “السّمك” atau “السّماء”, saya akan <i>membayangkan perkataan tersebut dan memilih mengikut rupa yang nampak sesuai.</i>	10	26	41	15	Min = 2.66
S3.	Sekiranya pensyarah menyuruh saya membuat pembentangan mengejut di dalam kelas, saya akan	4	25	48	15	Min = 2.80

	<i>merujuk buku rujukan untuk mencari idea berpandukan gambar.</i>					
S4.	Dalam pemilihan buku, <i>harga dan reka bentuk akan lebih menarik perhatian saya.</i>	5	23	47	17	Min = 2.83
S5.	Apabila saya mempelajari sesuatu <i>i'rab</i> , saya mempelajarinya dengan <i>melihat tunjuk-ajar (demonstrasi) gambar rajah dan peta minda.</i>	4	14	50	24	Min = 3.02
S6.	Sekiranya saya menghadapi masalah dalam memahami pembelajaran bahasa Arab, saya lebih suka pensyarah <i>menunjukkan peta minda yang menerangkan masalahnya.</i>	3	4	56	29	Min = 3.21
S7.	Saya gemar melayari laman web Arab yang memiliki <i>rekabentuk dan ciri-ciri visual yang menarik.</i>	4	22	45	21	Min = 2.90
S8.	Saya suka pensyarah yang <i>menggunakan gambar rajah, carta, atau graf semasa mengajar.</i>	4	14	51	23	Min = 3.01
	Min Keseluruhan	Tinggi				3.21

Rajah 2: Hasil daripada soal selidik yang diedarkan berkaitan Gaya Pembelajaran Visual.

Rajah 2 mendapati bahawa setiap nilai min gaya pembelajaran visual bagi setiap item berada pada tahap tinggi dan sederhana. Nilai min **paling tinggi** dicapai pada item **S6** (Sekiranya saya menghadapi masalah dalam memahami pembelajaran bahasa Arab, saya lebih suka pensyarah *menunjukkan peta minda yang menerangkan masalahnya.*) iaitu dengan nilai min = **3.21**. Seterusnya diikuti dengan item **S5** (Apabila saya mempelajari sesuatu *i'rab*, saya mempelajarinya dengan *melihat tunjuk-ajar (demonstrasi) gambar rajah dan peta minda.*) iaitu dengan nilai min = **3.02**. Nilai min **paling rendah** dicapai oleh item **S2** (Jika saya tidak pasti sama ada perkataan berikut dieja “السمك” atau “السماء”, saya akan *membayangkan perkataan tersebut dan memilih mengikut rupa yang nampak sesuai.*) dengan nilai min = **2.66**. Secara keseluruhannya, gaya pembelajaran visual berada pada **tahap yang tinggi** iaitu dengan nilai min = **3.21**.

b. Gaya Pembelajaran Auditori

Bil.	Soalan Soal Selidik	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Selang Skala Min
S1.	Jika saya berjumpa pelancong Arab yang ingin ke satu kawasan di universiti, saya akan memberi <i>memberi tunjuk-arah secara lisan ke tempat itu.</i>	2	17	60	13	Min = 2.91
S2.	Sekiranya saya tidak pasti sama ada perkataan berikut dieja “السمك” atau “السماء”, saya akan <i>menyebut perkataan tersebut dalam minda anda dan pilih salah satu.</i>	4	19	55	14	Min = 2.86
S3.	Sekiranya pensyarah menyuruh saya membuat pembentangan mengejut di dalam kelas, saya akan <i>meminta cadangan daripada kawan-kawan sekelas.</i>	3	14	61	14	Min = 2.93
S4.	Dalam pembelian buku, selain daripada harga, saya akan	5	17	46	24	Min = 2.97

	<i>terpengaruh apabila jurujual menerangkan ciri-ciri buku itu kepada saya.</i>					
S5.	Apabila saya mempelajari sesuatu <i>i'rab</i> , saya <i>mempelajarinya dengan mendengar seseorang menerangkan dan bertanya soalan.</i>	2	7	59	24	Min = 3.14
S6.	Sekiranya saya menghadapi masalah dalam memahami pembelajaran bahasa Arab, saya lebih suka pensyarah <i>menunjukkan peta minda yang akan menghuraikan permasalahan tersebut.</i>	2	6	52	32	Min = 3.24
S7.	Saya gemar melayari laman web Arab yang memiliki <i>reka bentuk yang menarik dari iaitu audio dan video untuk saya dengar dan fahami.</i>	3	15	51	23	Min = 3.02
S8.	Saya suka seorang penceramah atau pensyarah yang <i>menggunakan teknik soal jawab semasa memberi ceramah.</i>	3	12	54	23	Min = 3.05
	Min Keseluruhan	Tinggi				3.24

Rajah 3: Hasil daripada soal selidik yang diedarkan berkaitan Gaya Pembelajaran Auditori.

Rajah 3 mendapati bahawa setiap nilai min gaya pembelajaran auditori bagi setiap item berada pada tahap tinggi dan sederhana. Nilai min **paling tinggi** dicapai pada item **S6** (Sekiranya saya menghadapi masalah dalam memahami pembelajaran bahasa Arab, saya

lebih suka pensyarah *menunjukkan peta minda yang akan menghuraikan permasalahan tersebut.*) iaitu dengan nilai min = **3.24**. Seterusnya diikuti dengan item **S5** (Apabila saya mempelajari sesuatu *i'rab*, saya *mempelajarinya dengan mendengar seseorang menerangkan dan bertanya soalan.*) iaitu dengan nilai min = **3.14**. Nilai min **paling rendah** dicapai oleh item **S2** (Sekiranya saya tidak pasti sama ada perkataan berikut dieja “السمك” atau “السماء”, saya akan *menyebut perkataan tersebut dalam minda anda dan pilih salah satu.*) dengan nilai min = **2.86**. Secara keseluruhannya, gaya pembelajaran visual berada pada **tahap yang tinggi** iaitu dengan nilai min = **3.24**.

c. Gaya Pembelajaran Kinestetik

Bil.	Soalan Soal Selidik	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Selang Skala Min
S1.	Sekiranya saya berjumpa pelancong Arab yang ingin ke sesuatu kawasan di universiti, <i>saya akan membawanya ke tempat tersebut.</i>	2	13	59	18	Min = 3.01
S2.	Sekiranya saya tidak pasti sama ada perkataan berikut dieja “السمك” atau “السماء”, saya akan <i>rujuk pada kamus.</i>	3	6	46	37	Min = 3.27
S3.	Jika pensyarah menyuruh saya membuat pembentangan secara mengejut di dalam kelas, saya akan <i>merujuk kepada buku rujukan.</i>	2	15	52	23	Min = 3.04
S4.	Semasa pemilihan buku, selain daripada harga, saya akan <i>terpengaruh apabila membaca keterangan tentang sinopsis buku tersebut.</i>	1	21	42	28	Min = 3.05
S5.	Apabila saya mempelajari sesuatu	2	6	55	29	Min = 3.21

	<i>i'rab</i> , saya mempelajarinya dengan baik iaitu dengan <i>menulis semula sambil mempelajarinya</i> .					
S6.	Sekiranya saya menghadapi masalah dalam memahami pembelajaran bahasa Arab, saya lebih suka pensyarah <i>memberi alamat laman web atau bahan bacaan berkaitannya</i> .	6	18	47	21	Min = 2.90
S7.	Saya gemar melayari laman web Arab yang memiliki <i>rekabentuk yang menarik</i> .	5	19	51	17	Min = 2.87
S8.	Saya suka seorang penceramah atau pensyarah yang menggunakan <i>demonstrasi, model atau sesi amali, nota edaran, buku atau bahan bacaan semasa memberi syarahan</i> .	1	5	39	47	Min = 3.43
	Min Keseluruhan	Tinggi				3.43

Rajah 4: Hasil daripada soal selidik yang diedarkan berkaitan Gaya Pembelajaran Kinestetik.

Rajah 4 mendapati bahawa setiap nilai min gaya pembelajaran kinestetik bagi setiap item berada pada tahap tinggi dan sederhana. Nilai min **paling tinggi** dicapai pada item **S8** (Saya suka seorang penceramah atau pensyarah yang menggunakan *demonstrasi, model atau sesi amali, nota edaran, buku atau bahan bacaan semasa memberi syarahan*.) iaitu dengan nilai min = **3.43**. Seterusnya diikuti dengan item **S2** (Sekiranya saya tidak pasti sama ada perkataan berikut dieja “السمك” atau “السماء”, saya akan *rujuk pada kamus*.) iaitu dengan nilai min = **3.27**. Nilai min paling rendah dicapai oleh item **S7** (Saya gemar melayari laman web Arab yang memiliki *rekabentuk yang menarik*..) dengan nilai min = **2.87**.

Secara keseluruhannya, gaya pembelajaran visual berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai min = **3.43**.

KESIMPULAN

Berdasarkan selang skala min yang didapati melalui soal selidik yang diedarkan kepada pelajar berkaitan gaya pembelajaran kemahiran bahasa, kajian mendapati kecenderungan pelajar bahasa Arab menggunakan gaya pembelajaran VAK terhadap kemahiran bahasa Arab adalah lebih ke arah Kinestetik, diikuti dengan gaya pembelajaran auditori, dan gaya pembelajaran visual. Justeru aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pelajar perlu dipertingkatkan dengan menggunakan aktiviti yang lebih tertumpu kepada penggunaan elemen Kinestetik dan Auditori seperti mendengar audio, menggunakan alat bantu mengajar berunsurkan visual, melakukan demonstrasi model atau sesi amali. Selain itu juga pensyarah atau guru bahasa digalakkan menyediakan aktiviti belajar di dalam kelas mahupun di luar kelas dengan cara bergerak, disusuli dengan aktiviti dalam kumpulan atau mengadakan lawatan sambil belajar, memberi tunjuk ajar kepada pelajar cara menggunakan gaya pembelajaran yang sesuai mengikut individu dalam menguasai kemahiran berbahasa Arab khususnya kemahiran bertutur. Kombinasi pengajaran dan pembelajaran dalam elemen Kinestetik secara tidak langsung mampu membangkitkan minat pelajar untuk mempelajari bahasa Arab dengan baik.

RUJUKAN

- Ismail Muhamad, Wan Maizatul Akmar Wan Ahmad, Azman Che Mat. (2013). Sikap Dan Realiti Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab Pelajar Program J-Qaf. Gema Online® Journal Of Language Studies 81 Volume 13(2), May 2013.
- Lubna Abd Rahman, Wan Azura Wan Ahmad. (2006). Halangan Berkomunikasi Dalam Bahasa Arab di Kalangan Pelajar. Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM).
- Kamarulzaman Abdul Ghani, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Harun Baharudin. (2010). Pembinaan Modul Pembelajaran Kemahiran Bahasa Arab Di Luar Bilik Kuliah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ku Fatahiyah Ku Azizan , Hairun Najuwah Jamali , Awatif Abdul Rahman . (2014). Kaedah Pengajaran & Pembelajaran Kemahiran Mendengar Dan Bertutur Bahasa Arab Di IPT. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (JSASS).
- Mohd Zahimie Mohd Dzahid, Nur Izzati Zarin, Fadzly Ab. Rahim, Abdul Muhaimin Abu Bakar. (2018). Gaya Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar KUIM. Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM).
- Mohd Ziyad Mukhtar, Izuddin Muhammed. (2011). Penguasaan Asas Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar PPISMP GSTT-PAI: Satu Kajian Kes. Universiti Kebangsaan Malaysia. UKM.
- Nadwah Daud, Nadhilah Abdul Pisal. (2014). Permasalahan Pertuturan Dalam Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua. GEMA Online Journal of Language Studies, Volume 14(1)

- Nik Mahfuzah Nik Mat. (2013). Penguasaan Kemahiran Mendengar Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Menengah Agama. Universiti Malaya. UM.
- Noor Anida Awang, Rahimah Embong, Zaiton Mustafa, Azhar Yaacob, Prosiding Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014, ISBN 978-967-5478-78-9
- Norul Haida Reduan, Robe'ah Yusuf, Hidayah Hasim. (2016). Aplikasi Model VAK Dalam Gaya Pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu. e-prosiding Recit.2016, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. KUIS.
- Nor Musliza Mustafa. (2015). Pembelajaran Al-Quran Berasaskan Teknik Dan Gaya Pembelajaran VAK (Visual, Auditori Dan Kinestetik). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor KUIS.
- Vinesvaran A/L Ramachanran. (2010). Gaya Pembelajaran Dan Sikap Pembelajaran Bahasa Inggeris Dalam Kalangan Pelajar Pedalaman- Di Daerah Telupid Sabah. Universiti Utara Malaysia. UUM.
- Zamri Ahmad, Ibtisam Abdullah. (2014). Metode Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Berasaskan Empat Kemahiran. Prosiding Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014.